

# Perjuangan

BH

6 MAY 2000

**BARU-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Agenda 20 dan Dana Gabungin Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Apakah Agenda 20 GPMS dan kenapa Agenda 20? Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim menjelaskan perkara itu kepada wartawan Berita Harian, Mohd Fuad Razali.**

“AGENDA 20 ialah pelan bertindak 20 tahun yang disusun oleh GPMS sebagai usaha merealisasikan Wawasan 2020. Pelan ini dinamakan Agenda 20 kerana kita mempunyai 20 tahun sahaja lagi untuk melihat wawasan itu menjadi kenyataan.

“Oleh itu, GPMS berasa terpenggil dan bertanggungjawab untuk merangka pelan jangka panjang bagi membawa generasi muda Melayu menuju era yang lebih cemerlang seiring dengan matlamat Wawasan 2020,” kata Suhaimi ketika ditanya mengenai perkara itu.

Beliau ditemui sehari selepas Agenda 20 dan Dana GPMS dilancarkan oleh Perdana Menteri.

Menurut Suhaimi, misi yang terkandung dalam Agenda 20 menepati falsafah dan gagasan untuk membentuk dan melahirkan Melayu Baru.

“Pelan ini adalah pelan tindakan yang menyeluruh, bersifat sepadu, tersusun serta berterusan untuk mem-

bawa generasi muda Melayu bertindak lebih gagah bagi menghadapi cabaran yang lebih hebat pada masa depan.

“Pelan ini memberi penekanan kepada falsafah, kenyataan misi, matlamat serta ciri generasi muda Melayu yang hendak dilahirkan. Dalam usaha itu, kita merangka strategi dan program utama yang perlu kita jalankan terutama di kalangan generasi muda sama ada yang masih berada di bangku sekolah mahupun universiti.

“Selain itu, pelan ini juga menekankan mengenai kepentingan kekuatan kewangan sebagai cara untuk melaksanakan program untuk mencapai matlamat Wawasan 2020,” katanya.

Menurut Suhaimi, usaha yang dilakukan oleh GPMS lewat Agenda 20 itu adalah kesinambungan idealisme serta usaha kepimpinan pertubuhan itu masa lalu dan kini, serta selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Beliau menegaskan agenda itu tidak lari da-

ripada matlamat asal perjuangan GPMS sejak pertubuhan itu ditubuhkan pada 1948.

“Malah sewaktu melancarkan program ini, Perdana Menteri menyokong usaha yang dibuat oleh GPMS relevan dan masih diperlukan. Beliau berharap GPMS dapat melaksanakan rancangan yang sudah dibuat ini untuk memastikan pelajar Melayu dibabitkan secara menyeluruh dan disatukan tenaga serta pemikiran mereka,” katanya.

Agenda 20 digubal bersandarkan falsafah untuk mewujudkan generasi muda Melayu yang berilmu, berakhlak mulia, berbudaya luhur dan berketrampilan berasaskan pembangunan seimbang dalam semua bidang kehidupan di samping memiliki semangat patriotik dan budaya kerja ce-

merlang demi kepentingan agama, bangsa, negara dan dunia sejagat selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020.

Misi yang ingin dicapai oleh GPMS ialah meningkatkan keberkesanan pertubuhan itu sebagai organisasi pelajar kebangsaan yang kukuh, mapan, berwibawa, berpengaruh dan bertindak atas prinsip kebenaran, keadilan, kebebasan, demokrasi dan kesukarelaan.

Selaras dengan falsafah dan misi itu, GPMS menetapkan matlamat tertentu yang hendak dicapai dari segi organisasi, pengurusan, keahlian, kepimpinan, perhubungan, program gaya hidup Rakan Muda, ekonomi, pendidikan dan sumber manusia, jalinan kerjasama serta bangunan.

Yang menarik men-

# dalam Agenda 20

genai pelan tindakan ini adalah ciri generasi muda Melayu yang ingin dilahirkan. Ada 20 ciri yang disenaraikan iaitu beriman, berilmu, beramal, berjiwa besar, berketerampilan, berkepemimpinan, berbudaya, beretika, berawasannya, bertenaga, bersatu, berkorban, berjuang, berdiplomasi, berteknologi, berdisiplin, bermaklumat, bekerjasama, bertanggungjawab dan berorganisasi.

Bagi setiap ciri, digariskan pula secara ringkas sifat atau bidang yang patut dicakupi. Misalnya, bagi ciri beriman dinyatakan mempunyai kepercayaan kepada Allah, bersyukur, penyucian jiwa dan berprinsip jelas.

Bagi memastikan agenda itu dilaksanakan dengan licin dan lancar, GPMS menyusun strategi tertentu. Di dalam buku Agenda 20 dijelaskan bahawa strategi yang akan digunakan oleh GPMS adalah berasaskan kepada konsep ketuhanan, kemanusiaan dan alam. Oleh itu, Agenda 20 akan menggunakan kaedah fikiran, sikap, usaha dan amalan.

Kaedah fikiran bermaksud bersikap terbuka, matang dan rasional, proaktif, kreatif dan inovatif. Kaedah sikap pula sentiasa peka dan bertindak balas secara aktif dan proaktif, serta

adil, saksama dan positif. Kaedah usaha pula memberi khidmat yang terbaik, cekap dan berkuilati, membuka ruang kepada masyarakat menghampiri GPMS serta meningkatkan keupayaannya sebagai organisasi pelajar dan pendidikan yang berkesan.

Menerusi kaedah amalan pula, menggunakan kaedah perundingan dan musyawarah, memperkukuhkan prinsip kerja sukarela, serta pendekatan diplomatik dalam menjalin hubungan.

Menurut Suhaimi, 20 ciri pelajar dan generasi muda Melayu yang digariskan itu akan dinilai dan disemak semula setiap lima tahun untuk mengkaji keberkesanan dan pelaksanaannya.

"Tempoh 20 tahun ini sebenarnya adalah satu kerja yang besar kerana kita ingin menerapkan ciri ini dalam kehidupan pelajar Melayu, lebih-lebih lagi ciri ini menepati kehendak agama kita yang menghendaki kita memiliki akhlak yang mulia," katanya.

Beliau tidak menolak kemungkinan berlaku perubahan pendekatan dari pelaksanaan pelan tindakan itu dalam tempoh 20 tahun akan datang. Bagaimanapun menurut Suhaimi, perkara yang paling penting adalah sebarang perubahan mesti mene-

pati matlamat asal perjuangan GPMS yang sudah digariskan.

"Perubahan pendekatan dibuat supaya sesuai dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat," katanya.

Menceritakan kembali bagaimana gagasan itu timbul, Suhaimi berkata, sejak menerajui GPMS pada 1997, beliau melihat usaha mewujudkan suatu tuntutan untuk memperkemaskan pertubuhan itu dengan program dan aktiviti yang dapat menepati keperluan dan citarasa pelajar hari ini.

Oleh itu, beliau membangkitkan kepada kalangan pimpinan GPMS mengenai kepentingan mempunyai perancangan yang rapi dan kukuh.

"Jika tidak, kita akan jadi hidup segan mati tak mahu. GPMS mesti disegarkan supaya masih penting dan terus relevan dalam masyarakat. Oleh itu, kita perlu perluaskan dan mantapkan organisasi ini supaya pelajar berminat mendekati GPMS.

"Sehubungan itu, GPMS perlu ada wawasan yang cukup jelas. Hasil gandingan tenaga pimpinan dahulu dan sekarang itulah, maka kita perkenalkan Agenda 20 ini," katanya.

Menurutnya, tindakan raksasa sedemikian perlu dilakukan supaya GPMS terus menepati

arus perdana. Oleh itu, perlu ada sikap futuristik dan proaktif terhadap masa depan kerana yang hendak dilakukan bukan menyediakan masa depan generasi muda, sebaliknya mempersiapkan mereka bagi menghadapi masa depan.

Beliau bimbang jika tindakan itu tidak dilakukan, generasi muda Melayu akan menjadi

golongan yang pasif dan lemas dalam arus pembangunan yang semakin pesat melanda negara.

"Agenda ini sebenarnya membantu memperkukuhkan agenda Perdana Menteri untuk mewujudkan budaya Melayu baru. Oleh itu, kita berikrar untuk terus menyalakan obor idealisme yang dibawa oleh Dr Mahathir.

"Tamadun Melayu yang dibina oleh Perdana Menteri baru berusia 15 tahun tetapi sudah dikenali pada peringkat antarabangsa. Jika kita tenggelam kemudiannya, maka ini keadaan yang amat malang. Ini menunjukkan kita gagal meneruskan kejayaan. Sebab itulah kita perlu bersikap terbuka dengan pandangan beliau," katanya.